

PAKEJ PRIHATIN CIDB RM63.2 juta

Kontraktor

- Penangguhan pembayaran Levi (untuk projek swasta)
- Kelonggaran syarat pendaftaran kontraktor
- Penangguhan pengenalan syarat MCORE (G1) ke 2021
- Pengecualian syarat Sijil Kecekapan Pengurusan dan Kursus Integriti

Personel Binaan

- Penangguhan yuran penyertaan latihan kemahiran personel binaan tempatan
- Penangguhan yuran Penilaian Kompetensi Kemahiran
- Diskaun 50% yuran latihan dalam penyediaan dan pengurusan Lanjutan tempoh sah Perakuan Personal Binaan sementara dari 2 bulan ke 6 bulan

Bahan Binaan

Mengurangkan fi COA dari RM1000 ke RM750 bermula 15 Mei - 31 Disember 2020

KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT



Pembangunan Modal Insan



Peluang pekerjaan



Merencanakan sektor perindustrian dan pelaburan



Keselamatan dan keselamatan perjalanan



Faedah penjimatan



Infrastruktur berkualiti

#Manfaat

“Bagi saya KKR termasuk JKR sudah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang terbaik. Bagi saya kita sudah ada jalan raya dan SOP yang baik, justeru semua pihak perlu memainkan tanggungjawab masing-masing”

Mohd Raddi Ahmad, 61, Pesara Bastero

Oleh Sri Ayu Kartika Amri kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pembangunan infrastruktur dan keselamatan lebuhraya di negara ini semakin menunjukkan kemajuan bahkan pelaksanaannya dilihat lebih baik sejak berdekad lalu.

Usaha dijalankan Kementerian Kerja Raya (KKR) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan dalam merancang, melaksanakan, serta menyenggara projek infrastruktur negara juga membantu negara mencatatkan kemajuan besar membangunkan sektor pengangkutan negara.

Penyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam (Lebuhraya dan Pengangkutan) Universiti Malaya (UM) Dr Mohd Rasdan Ibrahim berkata, pembangunan infrastruktur di Malaysia juga antara yang terbaik dalam kalangan negara di Asia Tenggara.

“Pembangunan infrastruktur di Malaysia antara yang boleh dibanggakan.

“Hakikatnya, kita tidak mahu hendak bersaing di peringkat dunia apabila membabitkan infrastruktur, keselamatan lebuhraya, serta pembinaan jambatan di negara ini.

“Malah, komitmen diberikan KKR dilihat sangat baik dalam menyenggara keseluruhan projek infrastruktur di Malaysia,” katanya.

Dr Mohd Rasdan berkata, Malaysia juga mempunyai lebuhraya hijau yang menjadi salah satu penyumbang kepada kemampanan negara.

Menurutnya, bagaimanapun pembangunan infrastruktur di negara ini perlu melalui proses audit keselamatan jalan raya.

“Dari segi komitmen jaringan kita memang baik, malah pembangunan infrastruktur bukan boleh dibuat begitu sahaja kerana perlu melalui lima fasa pengauditan.

“Antaranya adalah dari segi perancangan, reka bentuk (sebelum dan semasa) pembinaan dan selepas pembinaan yang

Faktor keselamatan orang awam perlu diutamakan apabila membabitkan pembangunan infrastruktur jalan raya dan lebuhraya. Pemantauan secara kerap juga perlu dilakukan oleh pihak berwajib terutama untuk pastikan perkara tidak diingini berlaku.”

Badrolhisham Ahmad Tamam, 48, Peniaga

Infrastruktur dan sistem lebuhraya di Malaysia berbanding negara lain di Asia Tenggara memang terbaik dan cantik. Saya harap KKR dapat membuat pemantauan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin.”

Faizal Ranni, 53, Kakitangan swasta

Pada saya, infrastruktur serta keselamatan lebuhraya dan jambatan di seluruh negara memuaskan serta makin bertambah baik dari segi penjimatan masa dan pelbagai alternatif yang boleh digunakan. Namun begitu, kerajaan terutama KKR perlu mengkaji struktur dan permukaan tanah demi memastikan kestabilan dan tempoh jangka hayat terhadap infrastruktur. Selain itu, aktiviti pengusaha di sekitar jalan raya perlu dipantau demi menghindarkan perkara yang tidak diingini berlaku.”

Muhammad Mahathir Zahari, 26, Kakitangan swasta

‘KITA ANTARA TERBAIK’

Pembangunan infrastruktur di Malaysia mampu bersaing di peringkat dunia



MOHAMMAD Hisham

dikatakan memuaskan.

Beliau berkata, PPJK percaya KKR sedaya upaya mengikut garis panduan standard untuk mencapai piawai antara-bangsa dalam soal keselamatan jalan raya dan infrastruktur di atas jalan raya.

“PPJK percaya dengan meningkatkan penguasaan dan pemantauan berterusan mampu meminimumkan kejadian tidak diingini berlaku.

“Selain itu, KKR sepatutnya membuat kajian menyeluruh dan komprehensif secara berkala dan sentiasa mendapat nasihat dan pandangan daripada pelbagai pihak terutama

nya pakar keselamatan jalan raya dan juga NGO.

“KKR harus lebih peka terhadap persekitaran dan keselamatan jalan raya dan tidak boleh berkompromi soal keselamatan dan infrastruktur di atas jalan raya,” katanya.

Katanya, sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihaknya hanya boleh menjadi badan pemantau dan melaporkan kepada pihak berkuasa.

“Pada masa sama PPJK berharap pihak berkuasa mempunyai saluran yang mudah untuk rakyat serta NGO menyalurkan aduan seterusnya supaya pihak berkuasa memberi maklum balas atas setiap aduan diberikan untuk menambah baik keseluruhan infrastruktur,” katanya.

Secara keseluruhannya, infrastruktur di negara ini berada pada tahap memuaskan.

Bagaimanapun perlu ditambah baik kerana kesesakan lalu lintas banyak berlaku terutama di kawasan bandar. Sebagai rakyat, saya bangga dengan infrastruktur di Malaysia dan untuk memastikan keselamatan pengguna semua pihak perlu mengikut SOP.”

Emie Syazana Ismail, 33, Kakitangan swasta

Malaysia bagi saya mempunyai infrastruktur yang baik dan maju. Saya percaya jika kita sebagai rakyat turut sama menjaga kemudahan yang ada sudah pasti ia mampu menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Semoga usaha dijalankan KKR berterusan sekali gus mencapai kesejahteraan rakyat.”

Nora Mohamad, 49, Freelance